

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 20 AUGUST 2016 |

Pertelagahan Dr. Mahathir punca UMNO berpecah, lemah

UM - 20/8/2016

BALING 19 Ogos - Pertelagahan yang sering timbul antara Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama kepimpinan UMNO sewaktu dan selepas era pemerintahannya, merupakan antara punca perpecahan parti selain turut menyumbang kepada penurunan kekuatan UMNO berbanding dahulu.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, apabila berlaku perpecahan akibat krisis Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh Hamzah, Semangat 46 ditubuhkan pada 1988 dan dua tahun selepas itu, UMNO kehilangan Kelantan tanpa dapat diperolehi semula sehingga ke hari ini.

"Selepas itu berlaku pula krisis dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim menyebabkan tertubuhnya PKR dan kita kehilangan Selangor. Selepas itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi 'diganyang' Dr. Mahathir yang sudah bersara menyebabkan negeri dipimpin 'Pak Lah' selaku pengerusi perhubungan turut tumbang," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Baling di Kolej Universiti Insan-

iah (KUIN) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua UMNO bahagian tersebut, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim; Ketua Wanitanya, Datuk Dr. Mashitah Ibrahim; Ketua Pemuda, Mohd. Noor Mohd. Amin serta Ketua Puteri, Suriati Che Mid.

Mujur kata Annuar, semasa Dr. Mahathir ada dalam UMNO, parti tersebut tidak kehilangan kuasa di negara ini disebabkan oleh rakyat yang terus menyokong roh dan semangat perjuangan agama, bangsa dan tanah air yang didukung UMNO.

"Sebab itu apabila berlaku krisis kali ini, UMNO tidak semakin kecil sebaliknya jelajah saya ke seluruh negara membuktikan parti ini kian kukuh. Saya sudah ke Johor, Sabah dan hari ini ke Kedah iaitu tiga negeri yang dikatakan terlibat dan apa yang boleh saya katakan, kita hari ini bertambah utuh berbanding sebelumnya," katanya.

Dalam ucapannya itu, Annuar turut menyatakan betapa beliau yang merupakan 'orang Dr. Mahathir' sebelum ini keliru dengan sikap ditonjolkan bekas presiden parti tersebut.

"Sikapnya itu tidak sama langsung dengan apa yang dinasihatkan dan diajar pada saya dan rakan-rakan dahulu.

Saya ini masuk ke dalam UMNO kerana Dr. Mahathir, pernah dibenci, diboikot, dilabel 'paria', bergaduh dengan istana kerana mempertahankan Dr. Mahathir yang dahulu mengajar agar setia kepada parti.

"Dalam keadaan orang di Kelantan menggelar beliau 'Mahafiraun', diktator dan sebagainya, saya masih teguh mempertahankan beliau. Tetapi hari ini walaupun tidak ada ganjaran apa-apa, saya teguh mempertahankan Datuk Seri Najib Tun Razak kerana UMNO tidak hidup atas dasar individu sebaliknya hidup atas dasar perjuangan, semangat dan roh Melayu," katanya.

Dalam pada itu katanya, UMNO perlu diperkenalkan kepada umum oleh lidah-lidah ahlinya sendiri yang cukup mengerti mengenai sejarah, falsafah serta perjuangan parti dan bukan menerusi musuh-musuhnya yang sentiasa mengambil kesempatan untuk menabur 'racun' bagi membunuh parti itu.